

AXCEL BROMHEXINE TABLET

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Bromhexine Tablet.
2. Bagaimana Axcel Bromhexine Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Bromhexine Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Bromhexine Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Bromhexine Tablet.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Bromhexine Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan pemegang Pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Bromhexine Tablet

Axcel Bromhexine Tablet adalah ekspektoran mukolitik (agen yang melarutkan kahak tebal) yang digunakan dalam rawatan gangguan pernafasan berkaitan dengan batuk yang produktif.

Axcel Bromhexine Tablet juga boleh digunakan bagi pengurangan kelikatan kahak.

Bagaimana Axcel Bromhexine Tablet berfungsi

Axcel Bromhexine Tablet merupakan sejenis ubat ekspektoren mukolitik (agen yang melarutkan kahak tebal) yang bertindak melakukan rangsangan pada kelenjar mukus bagi menghasilkan rembesan dan mengurangkan kandungan asid serat glikoprotein.

Sebelum mengambil Axcel Bromhexine Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Bromhexine Tablet jika:

- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.

-Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axcel Bromhexine Tablet anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan.

- Anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Anda mengambil ubat tambahan diet.
- Anda menghidapi ulser gastrik.

Jika situasi di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor yang akan menentukan apa yang perlu dilakukan.

-Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

- *Erythromycin*, *cephalexin* dan *amoxicillin*

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Bromhexine Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Bromhexine Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Kanak-kanak di bawah 5 tahun:

½ tablet (4mg) dua kali sehari.

Kanak-kanak 5-10 tahun:

½ tablet (4mg) tiga kali sehari.

Dewasa:

1-2 tablet (8-16mg) tiga hingga empat kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Bromhexine Tablet.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Bromhexine Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang berbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Bromhexine Tablet berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Bromhexine Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain tanpa diduga.
- Ambil Axcel Bromhexine Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Bromhexine Tablet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebih dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Berhati-hati semasa mengambil ubat ini jika anda menghidapi ulser gastrik.
- Berhati-hati semasa menggunakan Axcel Bromhexine Tablet semasa trimester pertama kehamilan.
- Penggunaan Axcel Bromhexine Tablet perlu dielakkan semasa menyusukan bayi.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Bromhexine Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan

AXCEL BROMHEXINE TABLET

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Gangguan perut dan usus.
- Peningkatan ketahanan sementara dalam tahap serum *transaminase* (enzim yang biasanya terdapat dalam sel hati dan jantung dan masuk ke dalam darah apabila hati atau jantung rosak).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Bromhexine Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Bromhexine Tablet daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Bromhexine Tablet berwarna biru cair, bikonveks, bulat dan berdiameter 8mm dengan logo Kotra pada satu bahagian dan satu bahagian lagi dicetak dengan satu garisan.

-Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Bromhexine Hydrochloride

Bahan Tidak Aktif:

PVP K90, Corn Starch, Lactose Powder, Magnesium Stearate,

Brilliant Blue Dye dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL19911420XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/10/2017